

MENGGINGATI ABDUL GHAFAR BABA

SETELAH bertarung nyawa lebih kurang 7 bulan ketika mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), Hospital Universiti, Pantai Hospital dan akhir sekali di Hospital Gleneagle, akhirnya bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Tun Dr. Abdul Ghafar bin Baba, terpaksa berserah kepada takdir dari kehendak Penciptanya Allah swt apabila beliau menghembuskan nafas yang terakhir pada 23 April 2006 jam 7.35 pagi di hadapan kesemua anak-anaknya.

Jenazah allahyarham Tun Ghafar di bawa dari Hospital Gleneagle ke kediamannya di Bangsar di mana ia dimandi, dikapan dan disembahyangkan selepas solat Zuhur. Dari kediamannya jenazah dibawa ke Masjid Negara untuk diberi penghormatan terakhir oleh orang ramai dan para pemimpin parti dan Kerajaan sebelum disembahyangkan oleh para jemaah yang memenuhi ruang Masjid Negara selepas solat fardhu Asar.

Seterusnya jenazah dibawa ke Makam Pahlawan yang terletak di Serambi Masjid Negara untuk disemadikan sebelah menyebelah dengan pusara allahyarham bekas Perdana Menteri ke dua, allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein; bekas Perdana Menteri ke tiga, Tun Hussein bin Onn dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman.

Kesemua bekas pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO ini adalah rakan seperjuangan allahyarham Tun Ghafar ketika sama-sama berjuang dan berada dalam kabinet, justeru Tun Ghafar mengenali dan mempunyai hubungan yang rapat di antara satu saman lain semenjak Tun Ghafar bergiat dalam bidang politik sebelum negara (Malaya) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957.

Sesungguhnya, Tun Ghafar telah dilantik oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang ketika itu memegang jawatan Chief Minister (Ketua Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu) sebagai Ketua Menteri bagi Negeri Melaka yang ke dua pada tahun 1957 bagi negeri itu.

Apabila menyertai Kabinet di Kerajaan Pusat Tun Ghafar diberi kepercayaan memegang



**IDRIS
TULIS**

MENULIS



Penulis bersama Allahyarham Tun Ghafar Baba ketika menyambut hari lahirnya yang ke 75 pada tahun 2000 yang dianjurkan oleh parti MCA di pejabat Tun Ghafar di Kuala Lumpur.

beberapa portfolio penting dan hanya meninggalkan Kerajaan di bawah kepimpinan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun) setelah beliau menarik diri dari mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO apabila banyak bahagian-bahagian di seluruh negara memberi sokongan padu kepada Anwar Ibrahim.


PENGHORMATAN

Justeru, tidak hairanlah betapa ramainya rakyat yang samada mengenali ataupun tidak telah menziarah jenazah Tun Ghafar di kediamannya dan kemudian di Masjid Negara untuk memberi penghormatan terakhir.

Begitu ramai pula pemimpin Parti dan Kerajaan yang memberi penghargaan, sanjungan dan kepujian kepada Tun Ghafar diatas perjuangan, pengorbanan dan jasa bakti yang telah beliau curah dan taburkan untuk bangsa dan negara.

Sebenarnya, tidak berapa ramai lagi pemimpin UMNO yang masih hidup dan seangkatan dengan Tun Ghafar, maka kepergian Tun Ghafar yang mengejutkan itu adalah satu kehilangan besar kepada negara serta bangsa Melayu dan tentunya sukar untuk di cari ganti sebagai seorang nasionalis yang tulen, komited, gagah dan ikhlas.

Malangnya, ketika Tun Ghafar terlanjar sakit di empat-empat hospital seperti yang disebutkan diatas, hanya beberapa kerat ahli-ahli UMNO atau Kerajaan



Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali membaca surah Yassin di pusara allahyarham Tun Ghafar Baba di Makam Pahlawan Masjid Negara sekembali mereka ke tanah air setelah bercuti di luar negara.

Tun Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Timbalan Presiden Umno

"Saya kenal Idris lama dah... Apa yang boleh saya katakana mengenai beliau ialah semangatnya yang gigih untuk membantu orang Melayu.

"Beliau bermula dari bawah dan terus berusaha tanpa mengenal erti penat dan jemu. Antara kegigihan beliau ialah menerbitkan sendiri akhbar Era Baru yang menjadi wadah perjuangan bangsa.

"Kesempatan bergaul dengan ramai ahli politik membolehkan Idris mendapat banyak *first hand information* mengenai hal ehwal semasa terutama politik negara.

Kata-kata semangat dan ikhlas dari Tun Ghafar Baba berkenaan penulis yang dimasukkan ke dalam buku biografi penulis yang akan diterbitkan tidak lama lagi.

yang sanggup meluangkan masa untuk menziarahi beliau. Hanya apabila diumumkan bahawa bekas pemimpin itu sedang sakit kuat barulah kelihatan beberapa pemimpin UMNO datang menunjukkan muka. Melihatkan kepada keadaan yang menyedihkan itu saya telah menulis dua surat kepada Ibu Pejabat UMNO untuk mendapat perhatian mereka. Sila lihat salinan surat-surat tersebut disiarkan di sini.

Ketika melawat Tun Ghafar di IJN beberapa hari selepas dimasukkan ke hospital IJN beliau menyatakan yang beliau dapati sukar untuk tidur malam kerana banyak memikirkan tentang nasib bangsanya di masa hadapan dan UMNO itu sendiri yang sudah memberi perlindungan dan amat berjasa kepada orang-orang Melayu sejak sebelum dan selepas Merdeka.

Saya mententeramkan beliau dengan berjanji akan menjemput beliau untuk memberi penerangan dan ceramah serta nasihat kepada ahli-ahli UMNO terutama sekali dengan golongan yang muda-muda untuk menyedarkan mereka kepada perjuangan dari tang gungjawab mereka kepada agama, bangsa dan negara.

SEDIH

Apabila saya melawat Tun Ghafar di Universiti Hospital, selepas dipindahkan dari IJN, keadaan beliau semakin tidak menyenangkan dan saya berasa amat sedih apabila melihat beliau ditempatkan di biliknya yang sempit dan katil yang kecil.

Saya sempat bertanya samada pemimpin-pemimpin UMNO yang datang melawat beliau dalam keadaan begitu. Jawapan beliau ringkas sahaja, "Mereka ini sibuk". Jelas bahawa beliau begitu kecewa dan hiba. Selepas itu beliau dipindahkan ke Pantai Hospital untuk mendapat rawatan selanjutnya dari pakar-pakar di sana. Saya sempat mengunjunginya beberapa kali, adakalanya beliau berada dalam keadaan sedar tetapi kebanyakan kali beliau tidak sedarkan diri dan terpaksa menggunakan alat pernafasan.

Pada suatu hari saya bernasib baik kerana beliau boleh membuka mata dari bercakap sedikit. Apabila beliau ternampak saya masuk, beliau menghulurkan tangan untuk bersalaman tetapi tidak dapat bercakap banyak, apapun beliau gigihkan juga melihat akhbar **ERA BARU** yang diminatinya sejak ia ditubuhkan 12 tahun dahulu yang saya bawa bersama.

Sebelum saya meninggalkan beliau, saya bertanya

EraBaru

Dato' Melayu
PENERBIT

Idris Tulis

Setiasaha Kerja UMNO
Ibu Pejabat UMNO
Tingkat 38, Menara Dato' Onn
Jalan Sultan Ismail
50480 Kuala Lumpur

12 Oktober 2005

Dato',

Per: Tun Ghafar Baba

Dengan hormatnya saya ingin memberitahu, jika Dato' masih belum mengetahuinya, bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar bin Baba kini berada di wad CCU di Universiti Hospital semenjak 10 hari lalu. Sebelum itu beliau telah dimasukkan ke IJN selama 7 hari kerana mengidapi sakit asthma.

Apabila saya melawat beliau kelmarin, saya dapati hanya seorang cucu beliau yang menjaga beliau. Saya bertanya jika beliau ada menerima kunjungan dari pihak Pemimpin Tertinggi UMNO, beliau hanya berkata "mereka ini sibuk". Saya terasa benar bahawa sebagai bekas pemimpin yang telah begitu banyak menabur jasa kepada bangsa dan negara, semenjak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi

pada tahun 1957. Dalam masa persaraan beliau, beliau sentiasa mengenang kepada nasib orang Melayu dimasa akan datang kerana pemimpin-pemimpin muda kini tidak tahu apa itu perjuangan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak UMNO supaya menghantar beberapa pemimpin untuk membuat kunjungan hormat keatas beliau disamping bertanya khabar. Dalam keadaan beliau kini yang telah dijauhi oleh orang-orang UMNO, kunjungan itu sedikit sebanyak akan dapat memberi semangat dan meredakan perasaan hiba atau dalam erti kata lain ia menjadi ubat kepada beliau yang kini terlanjar sakit dan dalam usia yang lanjut iaitu 81 tahun.

Saya percaya Dato' selaku Setiasaha Kerja akan dapat memikirkan bagaimana UMNO boleh menceraikan beliau di kala ini yang seolah-olah tokoh itu telah dipinggirkan.

Jika Dato' ingin mendapatkan pandangan dari saya, saya boleh dihubungi.

Sekian, terima kasih kepada keperhatian Ibu Pejabat UMNO.

Wassalam

Datuk Idris Tulis

Ditubuhkan oleh MAJLIS IJN 1988
38 Jalan Menara D, Tower Dato' Onn, Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Sultan Ismail, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 03-2614754, 2619270, 2615070, 2636906 (D) Fax: 2624086
Kuala Lumpur, 50480, Jalan Sultan Ismail, Menara Dato' Onn, Tingkat 38, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 03-2614754/2619270/2615070/2636906 (D) Fax: 2624086

Salinan surat pertama penulis kepada UMNO Malaysia bertarikh 12 Oktober 2005 berkenaan Tun Ghafar Baba.

samada beliau ingin memakan sesuatu. Pada mulanya beliau mengelengkan kepala, tetapi kemudian beliau cuba bercakap dengan perlahan. Saya tidak faham apa yang cuba dimaksudkannya. Jururawatnya bertanya apa yang beliau mahukan. Rupa-rupanya Tun Ghafar inginkan kepada serunding ayam. Saya segera memberitahu isteri saya untuk menyediakan makanan yang diinginkannya itu dan menghantarnya ke hospital.

Ketika Tun Ghafar dirawat di Hospital Gleneagle pula, kesihatannya bertambah serius dan pada suatu

hari, saya dibenarkan masuk ke biliknya untuk menghampirinya dan membacakan doa sambil memegang tangannya. Saya bisikan kepadanya bahawa rakyat mendoakan agar beliau sembuh segera.

Sebelum meninggalkan beliau, saya sempat mengucup dahinya dengan berlinangan airmata melihatkan keadaannya yang tidak sedarkan diri.

Dalam masa yang sama, saya teringat kembali kepada peristiwa lampau yang hampir serupa

• LIHAT MUKA 6



PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)
UMNO BAHAGIAN SEPUTEH

Setiasaha Kerja
UMNO Malaysia
Tingkat 38, Menara Dato' Onn
Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

29 November 2005

Datuk,

PER: TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA

Seperti yang kita sedia maklum, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar bin Baba yang sedang dirawat di Hospital Pantai sudah hampir 4 bulan, diahamkan keadaan beliau masih tidak berubah iaitu beliau masih terlanjar tidak sedarkan diri, biarpun doktor-doktor pakar telah dan sedang cuba dengan sedaya upaya untuk memulihkan beliau.

Warga negara ini terutama sekali orang Melayu yang prihatin kepada perjuangan beliau sebelum dan selepas Merdeka sudah tentunya menyedari bahawa beliau sudah menyumbang tenaga dan masa yang begitu banyak untuk Agama, Bangsa dan Negara bersama dengan pemimpin-pemimpin dahulu untuk mendapatkan kemerdekaan dan

mengisi kemerdekaan sehingga beliau bersara, tanpa memikirkan kepada pangkat atau jawatan.

Saya teringat kembali kepada perjumpaan saya dengan beliau ketika saya melawatnya di IJN sebelum beliau diberitahu tentang penyakitnya yang sebenar. Saya telah berbincang panjang dengan beliau tentang hal-hal negara dan bangsa Melayu. Beliau memberitahu bahawa beliau sukar hendak tidur malam. Saya bertanya apa yang menyebabkan beliau tidak boleh tidur. Beliau memberitahu yang beliau memikirkan tentang apa akan jadi pada anak cucu kita kemudian hari, memandangkan pada keadaan yang berlaku disekeliling bangsa kita hari ini yang 'tidak bermaya' dan seolah-olah menyerah kepada nasib.

Beliau berkata, negara ini mempunyai Yang Di Pertuan Agong yang berbangsa Melayu dan beragama Islam, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga berbangsa Melayu dan beragama Islam, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, Ketua-ketua Pejabat kerajaan juga dari bangsa Melayu dan beragama Islam tetapi kita masih tidak dapat menyelesaikan masalah orang Melayu.

Negara kita sudah merdeka selama 48 tahun dan UMNO adalah tunjang kerajaan tetapi bangsa Melayu masih mundur dan tidak bersatu. Itulah secebis daripada perasaan kecewa dan sedih Tun Ghafar yang diluarkannya kepada saya. Ini menunjukkan yang beliau sentiasa berasa bertanggungjawab dan prihatin tentang kedudukan bangsanya di negara yang tercinta ini.

Dalam hal ini, saya ingin mengesyorkan kepada UMNO supaya diadakan satu Majlis Baca Yassin dan Doa Selamat untuk memohon kehadiran Ilahi supaya keadaan Tun Ghafar pulih segera dari penyakitnya dan dipanjangkan usia beliau. Rasanya ini sahaja yang boleh ahli-ahli UMNO lakukan untuk membalas jasa bakti beliau yang sudah-sudah. Janganlah kita tunggu sehingga beliau telah pergi

meninggalkan kita buat selama-lamanya. Saya percaya ahli-ahli UMNO akan bersetuju dengan cadangan saya yang murni ini.

Saya berharap benar agar Ibu Pejabat UMNO, melalui kerjasama dan sokongan Dato' sendiri akan dapat menerima cadangan saya ini dan membuat keputusan yang segera dalam keadaan Tun Ghafar yang masih terlanjar sakit tanpa ahli-ahli UMNO berbuat sesuatu yang positif untuk membantu bekas pemimpin negara yang dikasihinya itu yang kini bertarung dengan nyawa.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

DATUK IDRIS TULIS

s.k. Setiasaha Agung UMNO
Timbalan Presiden UMNO
Presiden UMNO

Surat ke dua yang ditujukan kepada UMNO Malaysia 29 November 2005 juga berkenaan Tun Ghafar Baba.

Idris Tulis P.M.
P. Mgr (Can), F. Inst. O (Lon), F.I.M.C. (M)

Suite 1.03-1.04, Ground Floor, Wisma Central, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2614754, 2619270, 2615070, 2636906 (D) Fax: 2624086

MENGINGATI ABDUL GHAFAB BABA

apabila menziarahi bekas Setiausaha Agung UMNO dan bekas Menteri Penerangan, alahyarham Tan Sri Senu Abdul Rahman dan Bapa Kemerdekaan, almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika mereka menerima rawatan di hospital dan menggunakan alat pernafasan.

Ketika menerima rawatan di Hospital Besar Kuala Lumpur, di mana Tunku bertarung nyawa, saya sempat membacakan surah Yasin dan membisikkan ke telinganya memohon ampun dan maaf di atas kesilapan saya ketikaberusaha merapatkan hubungan beliau dengan UMNO dan para pemimpin terutama sekali dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Saya juga meminta Tunku agar memaafkan para pemimpin UMNO yang telah bersalah dan menguris perasaan beliau kerana Tunku kerap mengkritik para pemimpin yang dilihatnya membuat kesilapan dan beliau pula dikritik hebat kerana mencampuri urusan Kerajaan dan Parti ketikaitu.

Berbalik kepada kesihatan Tun Ghafar dengan kuasa Allah swt, beberapa hari kemudian beliau kembali sedar dan berupaya membuka matanya seraya cuba berkata-kata biarpun tidak jelas. Saya tidak melepaskan peluang untuk menunjukkan gambar-gambar yang disiarkan dalam akhbar **ERA BARU** yang telah dirakamkan di majlis perasmian Galeri beliau ia itu Galeri Ghafar Baba oleh Gabe nor Melaka di Melaka pada 28 Februari, 2006.

Disebabkan Tun Ghafar tidak berupaya untuk hadir di hari perasmian itu, maka beliau telah diwakili oleh anak lelakinya, Encik Tamrin. Apabila saya tunjukkan gambar-gambar dalam akhbar itu de-

ngan menerangkan kepadanya peristiwa-peristiwa yang beliau alami seperti ketika beliau berucap di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), New York, gambar beliau bersama isterinya ketika masih muda dan surat perlantikan beliau sebagai Ketua Menteri Melaka. Beliau mengucapkan terima kasih di atas usaha saya itu.

Itulah kali terakhir saya dapat menemui Tun Ghafar ketika beliau berada dalam keadaan sedar dan

dapat berkata sepatah dua kata dengannya. Dan apabila saya diberitahu tentang kepergiannya pada pagi Ahad, 23 April saya tergamam dan berasa begitu sedih sambil terkilang kerana tidak sempat mengunjunginya lagi.

Ini juga mengingatkan saya kembali kepada pertemuan saya yang terakhir dengan bekas Pengerusi Tetap UMNO, alahyarham Tun Sulaiman Ninam Shah ketika beliau terbaring di Hospital Pantai.

Beliau sempat menyatakan kepada saya bahawa ada sesuatu perkara penting yang beliau ingin beritahu saya ketika saya menziarahi beliau tetapi belum sempat saya menemui beliau lagi, beliau telah menyahut panggilan Ilahi.

Berbalik semula kepada kepergiah Tun Ghafar, saya dapat membacakan sirrah Yassin bersama-sama pengunjug lain ketikajenazah Tun Ghafar di letakkan di ruang kediamannya selain ikut sama melakukan sembahyang sunatjenazah dan seterusnya di Masjid Negara.

Ketika Tun Ghafar berada dalam Kerajaan dan selepas bersara, saya kerap mengunjugi beliau untuk bertukar-tukar pendapat tentang politik ta nahaif dan lain-lain hal yang ada kaitan dengan kepentingan orang-orang Melayu dan UMNO.

Apa yang jelas, beliau begitu marah kepada pihak-pihak yang mengutamakan wang ringgit untuk meraih kemenangan dalam pertandingan pucuk pimpinan parti dan menyaranakan orang-orang seperti itu di tangkap dan dihukum. Beliau juga pernah menyaranakan supaya UMNO itu dilelong sahaja kepada pihak-pihak yang sanggup membelinya kerana terlalu kecewa dengan masalah politik wang.

• **Bersambung di keluaran akan datang.**



Bersemadi... Jenazah alahyarham Tun Abdul Ghafar Baba selamat disemadikan. Kelihatan anak lelaki Tun Ghafar, Tamrin menyiram air mawar di pusara bapa kesayangannya sambil diperhatikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak.